



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGARUH BAHASA IBUNDA MURID SJK (TAMIL) DALAM
PENULISAN BAHASA MELAYU BERASASKAN GAMBAR TUNGGAL***

RAJESWARY A/P MUNIANDY

FBMK 2022 46



**PENGARUH BAHASA IBUNDA MURID SJK (TAMIL) DALAM PENULISAN
BAHASA MELAYU BERASASKAN GAMBAR TUNGGAL**

Oleh

RAJESWARY A/P MUNIANDY

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Disember 2021

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Teristimewa buat suami, anak yang sangat disayangi dan dikasihi

Geerthikah Karthigasu

Sartiikaah Karthigasu

Mirrtiikaah Karthigasu

dan Kisor Pillaay Karthigasu,

Pengorbananmu begitu besar buat diriku,

*Doa , Kasih Sayang dan perhatianmu membantuku dalam
mengharungi setiap kesukaran dalam perjuangan ini.*

Terima kasih atas doamu

Semoga Tuhan merahmatinya

Tidak lupa juga buat para pendidikku

Jasa kalian tidak ternilai

Terima kasih tidak terhingga.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

PENGARUH BAHASA IBUNDA MURID SJK (TAMIL) DALAM PENULISAN BAHASA MELAYU BERASASKAN GAMBAR TUNGGAL

Oleh

RAJESWARY A/P MUNIANDY

Disember 2021

Pengerusi : Veeramohan a/l Veeraputhran, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini memfokuskan pengaruh bahasa ibunda dalam penulisan Bahasa Melayu berasaskan gambar tunggal dalam kalangan murid-murid India. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti pengaruh bahasa Ibunda dalam penulisan Bahasa Melayu berasaskan gambar tunggal daripada aspek tatabahasa iaitu kata, perkataan, ayat dan ortografi dan merumuskan pengaruh bahasa Ibunda dalam penulisan Bahasa Melayu berasaskan gambar tunggal dalam kalangan murid-murid SJKT. Skop kajian ini merangkumi murid tahap dua. Objektif kajian ini ditentukan melalui satu ujian penulisan karangan gambar tunggal yang disenaraikan dalam kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi tahap 2 dan satu set soal selidik digunakan. Model Socioeducational oleh Gardner (1985) digunakan sebagai landasan kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan menggabungkan dua kaedah penyelidikan iaitu kuantitatif dan kualitatif. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah Ujian Penulisan Bahasa Melayu berasaskan gambar tunggal dan satu set soal selidik. Pengkaji telah memilih 35 orang murid India Tahun Lima yang dipilih dari SJK(T) Mahajothi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid SJKT melakukan kesalahan tatabahasa dari aspek frasa, ayat, kata dan ortografi dalam kalangan penulisan bahasa Melayu berasaskan gambar tunggal telah dikesan sebanyak 75 kesalahan. Dapatan kajian menjelaskan bahawa murid SJKT melakukan kesalahan penggunaan ortografi iaitu kesalahan dalam penggunaan ejaan dan huruf besar/kecil mencatatkan jumlah kesalahan yang paling tinggi iaitu sebanyak 26 kesalahan (74%). Kekerapan kedua tertinggi pula ialah kesalahan penggunaan kata iaitu kesalahan aspek ayat tunggal dan ayat saduran sebanyak 22 kesalahan (63%). Dan diikuti kesalahan penggunaan frasa iaitu farasa nama, frasa kerja dan frasa sendi nama mencatatkan 15 kesalahan iaitu sebanyak 43% dan kekerapan yang paling rendah ialah kesalahan penggunaan ayat iaitu imbuhan, kata hubung dan kata pemberi menunjukkan kesalahan sebanyak 12 kesalahan 34%. Dapatan soal selidik menunjukkan bahawa sikap penutur dan sikap murid terhadap

pengaruh bahasa ibunda adalah aspek yang paling dominan dan tinggi mempengaruhi murid SJKT walaupun murid SJKT mempunyai minat yang tinggi dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Dengan kata lain, boleh merumuskan bahawa, sikap terhadap bahasa ibunda adalah sangat tebal dan kukuh dalam kalangan murid SJKT. Bagi mengatasi masalah ini, kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa haruslah ditingkatkan dan pengajuran aktiviti seperti pengayaan, pengukuhan, pendedahan bahasa amat penting dalam menggalakkan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKT.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

**INFLUENCE OF MOTHER TONGUE LANGUAGE ON THE SINGLE
PICTURE-BASED MALAY LANGUAGE ESSAY WRITING OF AMONG THE
INDIAN PUPILS**

By

RAJESWARY A/P MUNIANDY

December 2021

Chairman : Veeramohan a/I Veeraputhran, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

This research focuses on the influence of mother tongue language on the single picture-based Malay language essay writing of among the Indian pupils. The main objective of this research is to identify the extend of mother tongue influence on the single picture-based Malay language essay writing. The main writing aspects that were analyzed was grammar, which comprises of words, phrases, sentences and orthography. The scope of study focuses on upper secondary primary school Indian students from National -type school (Tamil). The objective of this study was determined through a single picture-based essay writing test listed in the Primary School Standard (KSSR) curriculum for level upper primary. The target group was also given a set of questionnaires. Socio-educational model by Gardner (1985) was used as the basis of this study. The main methodology used in this study was observation method and this was achieved by combining two research methods, namely quantitative and qualitative methods. A total of 35 year five Indian students from SJK(T) Mahajothi, Sungai Petani, Kedah were selected by the researcher for this study. Findings of the study showed that SJKT students made grammatical errors in terms of phrases, sentences, words and orthography in the writing of a single picture based Malay language essay and a total of 75 errors was detected. The findings of the study were very significant to show that SJKT students committed errors in the use of orthography, namely errors in the use of spelling and uppercase/ lowercase letters which recorded the highest number of errors, 26 errors (74%). The second highest frequency is the word usage error, which is a single sentence aspect error, which comprises of 22 sentence errors (63%). This was then followed by the use of phrases that are noun phrases, work phrases and noun phrases, which recorded 15 errors (43%) and the lowest frequency is sentence usage errors that are prefixes, conjunctions and adverbs showing errors of 12 errors (34%). The results of the questionnaire showed that the attitude of the speaker towards the mother

tongue is the most dominant factor that affects the student's attitude towards Malay language of the particular student even though the student has a strong interest in the language. Finally, it can be concluded that, the attitude towards the mother tongue is very significant and strong among National-type (Tamil) school students. Towards mitigation plan, teaching and learning activity of Malay language in this schools should be incorporate activities such as enrichment, consolidation and Malay language exposure as this will be a significant step in enhancing the Malay language interest among the young learners, especially upper primary National-type (Tamil) school Indian students.



PENGHARGAAN

Saya memanjatkan syukur kepada Tuhan yang Maha Esa kerana dengan limpah kurnianya dapat menyempurnakan tesis dengan tajuk Pengaruh bahasa Ibunda dalam Penulisan Bahasa Melayu berasaskan gambar tunggal dalam kalangan murid SJKT, telah dapat diselesaikan dengan jayanya.

Ucapan penghargaan yang setinggi-tinggi disampaikan kepada Dr Veeramohan Veeraputhran (selaku pengerusi), dan Dr Rohaidah (selaku Ahli Jawatankuasa) kerana nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar mereka terhadap kerja menyempurnakan tesis ini. Dedikasi dan kesabaran mereka dalam menjalankan tugas ini sangat saya sanjungi. Semoga Tuhan yang tidak ternilai harganya membalas jasa baik mereka itu.

Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan Malaysia, khususnya Bahagian Tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia kerana menganugerahkan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa dan Kursus Master bagi menyambung pelajaran ke peringkat sarjana secara penyelidikan.

Selanjutnya, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu prosedur penyelidikan ini terutama En Padmanathan Veerapathiran selaku Guru besar SJKT Mahajothi, En Nagenthiran Subramaniam selaku Guru Besar Arumugam Pillai dan guru-guru Bahasa Melayu kerana memberi kerjasama yang amat baik.

Tidak lupa juga, saya menyampaikan sekalung terima kasih kepada pihak Perpustakaan Sultan Abdul Samad, di Universiti Putra Malaysia, yang telah menyediakan pelbagai kemudahan untuk membolehkan saya menyempurnakan kajian ini.

Ahir sekali, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses menyiapkan tesis ini. Semoga jasa dan budi baik mereka akan mendapat ganjaran yang terindah.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Veeramohan a/l Veeraputhran, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Rohaidah binti Kamaruddin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 Ogos 2022

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi;

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr. Veeramohan a/l Veeraputhran

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Profesor. Madya Dr. Rohaidah binti Kamaruddin

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
 BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	3
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Soalan kajian	5
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Batasan kajian	6
1.8 Definisi Operasional	8
1.8.1 Pengaruh bahasa ibunda	8
1.8.2 Bahasa Tamil	10
1.8.3 Murid SJK (Tamil)	11
1.8.4 Penulisan berasaskan gambar tunggal	12
1.8.5 Kesalahan bahasa	13
1.9 Kesimpulan	14
 2 SOROTAN LITERATUR	 15
2.1 Pengenalan	15
2.2 Kajian dalam negara	15
2.2.1 Kajian tentang tahap penguasaan bahasa kedua	15
2.2.2 Kajian tentang kemahiran untuk menguasai bahasa	16
2.2.3 Kajian tentang pengaruh bahasa	17
2.2.4 Kajian tentang kesalahan bahasa	18
2.2.5 Kajian tentang pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua	19
2.2.6 Kajian tentang penggunaan modul	19
2.3 Perkaitan sorotan literature dengan kajian ini	21
2.4 Kesimpulan	22
 3 METODOLOGI	 23
3.1 Pengenalan	23
3.2 Rekabentuk kajian	23

3.2.1	Model <i>Socioeducational</i> oleh Gardner (1985)	23
3.2.2	Kerangka model atau teori	24
3.2.3	Tempat Kajian	25
3.2.4	Rasional pemilihan sampel	26
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	27
3.4	Kaedah Persampelan bertujuan	27
3.5	Pemilihan Sampel Kajian	28
3.6	Kaedah kajian	29
3.7	Alat kajian	30
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	32
3.8.1	Pemilihan pakar kesahan instrumen	32
3.8.2	Kesahan kandungan Penulisan Bahasa Melayu berasaskan gambar tunggal	33
3.8.3	Kesahan kandungan soal selidik	35
3.9	Kajian rintis	37
3.10	Pengumpulan Data	38
3.11	Pemprosesan Data	39
3.12	Tatacara Penganalisan Data	40
3.13	Kerangka Konseptual	42
3.14	Kesimpulan	42
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	43
4.1	Pengenalan	43
4.2	Pengaruh bahasa ibunda dalam penulisan Bahasa Melayu berasaskan gambar tunggal oleh murid SJKT dari segi aspek tatabahasa iaitu kata, frasa, ayat dan ortografi	43
4.3	Analisis kesalahan tatabahasa daripada aspek frasa, ayat, dan ortografi dalam penulisan Bahasa Melayu berasaskan gambar tunggal oleh murid SJKT	44
4.3.1	Kesalahan penggunaan aspek kata	45
4.3.2	Kesalahan penggunaan aspek frasa	52
4.3.3	Kesalahan penggunaan aspek ayat	55
4.3.4	Kesalahan penggunaan ortografi dalam penulisan karangan Bahasa Melayu berasaskan gambar tunggal	57
4.4	Rumusan penguasaan penulisan dan pengaruh bahasa Tamil berdasarkan karangan gambar tunggal bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKT	60
4.4.1	Sikap murid untuk belajar Bahasa Melayu	63
4.4.2	Sikap murid terhadap pengaruh bahasa ibunda (Bahasa Tamil)	63
4.4.3	Sikap Penutur Bahasa Tamil	65
4.5	Kesimpulan	66
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	67
5.1	Pengenalan	67
5.2	Rumusan	67
5.3	Cadangan	68
5.3.1	Peranan Guru	68

5.3.2 Peranan Kementerian Pendidikan

70

RUJUKAN

71

LAMPIRAN

75

BIODATA PELAJAR

81



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1.1 Keputusan Peperiksaan UPSR (Penulisan) SJKT di daerah Kuala Muda Yan pada tahun 2015 sehingga 2019	5
3.1 Julat pemarkahan dan Gred terkini yang ditetapkan oleh KPM	29
3.2 Butiran Pakar	33
4.1 Pengaruh bahasa ibunda (Bahasa Tamil) dalam penulisan bahasa Melayu berasaskan gambar tunggal	44
4.2 Kesalahan penggunaan aspek kata	45
4.3 Kesalahan penggunaan aspek frasa	52
4.4 Kesalahan penggunaan aspek ayat	56
4.5 Kesalahan penggunaan ortografi	58
4.6 Sikap murid-murid untuk mempelajari bahasa Melayu	61
4.7 Sikap murid terhadap pengaruh bahasa ibunda (Bahasa Tamil)	63
4.8 Sikap penutur Bahasa Tamil	65

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
3.1 Kerangka Konseptual kajian	25
3.2 Lokasi kajian iaitu SJKT Mahajothi, Sungai Petani, Kedah	26
3.3 Proses pengumpulan data	38
3.4 Proses Presedur Kajian	41
3.5 Kerangka konseptual kajian	42

SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
BT	Bahasa Tamil
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
EPRD	Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
KMY	Kuala Muda Yan
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penggunaan bahasa yang standard, berkesan dan membina dalam Penggubalan Falsafah Pendidikan Negara adalah untuk memenuhi keperluan para murid yang didasari oleh berbilang kaum dan latar belakangkan yang berbeza terutamanya dari segi sosial di negara Malaysia. Justeru, diangkat sebagai bahasa rasmi di Malaysia, dijadikan sebagai bahasa pengantar dan sebagai bahasa ilmiah di sekolah-sekolah serta institusi tinggi. Di bawah perlembagaan persekutuan sebagai bahasa kebangsaan tertakluk di bawah perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dengan menyatakan bahawa bahasa kebangsaan ialah hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagainya yang diperuntukkan dengan undang-undang Parlimen. Oleh itu, jelaslah bahawa iaitu bahasa rasmi yang digunakan dalam sistem pendidikan negara.

Selain itu, kemahiran dan penguasaan lebih daripada satu bahasa sangat penting bagi anak watan bersaing dalam dunia pendidikan dewasa ini. Oleh itu, perhatian yang serius perlu diberikan untuk mendidik murid, dwibahasa yang mempunyai penguasaan yang cemerlang dalam bahasa pertama dan kedua. Sebagai kesinambungannya, proses pembelajaran dan pengajaran yang dijalankan di sekolah turut memberi ruang dan peluang kepada warga pendidik dan murid untuk mencerna ilmu dalam pelbagai bidang.

Di samping itu, guru merupakan tonggak utama di sekolah yang harus memainkan peranan yang signifikan untuk membimbing murid dalam penguasaan bahasa. Selain daripada pendedahan kepada bahasa pertama atau bahasa ibunda, murid-murid juga mempelajari bahasa kedua atau. Natijahnya, timbul pelbagai konflik dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan murid bukan Melayu ekoran pengaruh bahasa ibunda mereka (Khuzaiton Zakaria & Thana Abdullah, 2014).

Sebagai fokusnya, prestasi murid-murid SJK(T) dalam subjek pada peringkat sekolah rendah masih tidak memuaskan walaupun mereka telah mempelajari sejak di Tahun 1. Menurut Jeniri (2005) adalah bahasa yang senang dipelajari, tetapi susah untuk dikuasai. Masalah kelemahan dalam kalangan SJK(T) masih ketara, terutamanya mereka yang mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Keterangan ini turut diakui oleh Alice Alim (2018), dalam penelitian beliau hatta berpendapat bahawa kelemahan dan pengaruh ini dapat dikesan daripada aspek lisan, perbendaharaan kata dan penulisan karangan. Namun, persoalannya adakah murid-murid yang mempelajari sebagai bahasa asing menggunakan dengan betul ataupun

memiliki keupayaan berkomunikasi yang tinggi. Menurut Khairul Nizam dan Wan Muna Ruzanna (2017) Bahasa Melayu besar kemungkinan menjadi bahasa kedua atau bahasa ketiga bagi kalangan masyarakat yang bukan berbangsa Melayu. Kesukaran murid-murid SJKT yang mempelajari bahasa kedua ini memang tidak dapat dinafikan untuk menguasai dengan sebaik-baiknya adalah bukan senang. Terdapat beberapa kajian yang menunjukkan bahawa majoriti murid-murid sekolah vernakular yang mempelajari sebagai bahasa kedua masih dipengaruhi oleh bahasa ibunda mereka masing-masing dan memberi kesan yang mendalam dalam mempelajari yang juga merupakan Bahasa perpaduan negara kita. Kebanyakan murid-murid terutama murid-murid Sekolah Tamil masih di tahap tidak memuaskan kerana tidak menguasai dengan baik.

Pengajaran dan pembelajaran merangkumi beberapa aspek iaitu kemahiran bertutur dan mendengar, kemahiran membaca, kemahiran menulis, aspek tatabahasa dan aspek seni bahasa yang dapat melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran, matlamat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan seharian. Selaras dengan objektif ini, penulisan karangan sangat ditekankan di samping merupakan elemen yang diuji dalam pentaksiran sekolah rendah.

Lantaran itu, penulisan karangan berasaskan gambar tunggal merupakan salah satu format karangan yang selalu menjadi aspek penilaian mata pelajaran bagi pelajar tahap dua. Murid-murid dikehendaki untuk menulis satu karangan di antara 70 hingga 100 patah perkataan berdasarkan gambar tunggal yang diberi. Gambar tersebut selalunya mempunyai keadaan atau aktiviti dan pelajar memerlukan kemahiran tatabahasa, ejaan dan penulisan kreatif untuk menghasilkan karangan yang baik dan kreatif.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini dilakukan dengan memberi tumpuan kepada pengaruh bahasa ibunda iaitu bahasa Tamil dan penguasaan murid Tamil terhadap kertas penulisan yang mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A merupakan pembinaan ayat berdasarkan gambar bersiri atau tunggal dan bahagian B pula adalah ulasan dan bahagian C merupakan penulisan karangan. Sebagai seorang pendidik yang berkhidmat selama 12 tahun di Sekolah Jenis Kebangsaan, pengkaji telah mendapati bahawa murid sering membuat kesalahan yang kerap dalam penulisan karangan gambar tunggal dan kesilapan ini berjeniskan kesilapan tatabahasa dalam aspek kata, perkataan, frasa dan ortografi.

Kesalahan seperti penyusunan, pengurangan, penambahan, pemilihan kata, dan kesilapan yang disebabkan oleh bahasa verbal. Setelah membuat tinjauan terperinci dan pergaulan dengan beberapa orang murid, pengkaji telah mendapati bahawa antara faktor utama kesalahan ini adalah berpunca daripada proses penukaran ayat secara langsung dari bahasa ibunda ke kerana kebanyakan murid berfikir idea dalam Bahasa ibunda atau Bahasa Tamil kemudian menterjemahkannya ke dalam bahasa kedua. Hal ini kerana sistem bahasa yang berlainan antara kedua-dua bahasa akan mencetuskan kekeliruan dalam kalangan murid-murid SJKT dan lebih cenderung menghasilkan penulisan yang tidak mematuhi tatabahasa bahasa kedua atau .

Secara langsung, situasi ini memberikan lompang kepada pengkaji untuk mengenal pasti dan menganalisis pengaruh bahasa ibunda dalam penulisan gambar tunggal dalam kalangan murid darjah lima dan penyelidikan yang mendalam perlu dibuat untuk memperolehi dapatan kajian yang dapat membantu para pendidik untuk merancang strategi pengajaran. Konteks ini kerana, ia dapat memastikan proses pembelajaran dan pengajaran yang lebih efektif dalam usaha memperbaiki pencapaian murid India di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Perkara ini sinonim dengan dapatan kajian yang dimanifestasi oleh Jumiya Ahmad (2014).

1.3 Penyataan Masalah

Dalam menjalankan kajian ini, didapati bahawa menjadi bahasa kedua dipelajari oleh murid-murid atau kanak-kanak bukan Melayu menjadi satu mata pelajaran yang sukar untuk dikuasai oleh mereka. Suthanthiradevi (2004) menegaskan bahawa pelajar Tamil yang sememangnya bukan penutur jati masih tidak menguasai dalam penguasaan tatabahasa malah masih belum menguasai Sistem Tatabahasa Melayu itu sendiri. Hal ini demikian kerana, penilaian pemeriksaan karangan pada peringkat rendah difokuskan kepada aspek tatabahasa, pengolahan dan bahasa, iaitu tiga aspek penting yang menjadi komponen utama sesebuah karangan. Ketiga-tiga aspek ini memerlukan seseorang murid itu mempunyai kemahiran membina struktur ayat yang lengkap, kosa kata dan tatabahasa yang luas dan betul untuk menulis karangan. Sekiranya, proses mempelajari bahasa ini berlarutan akan mencetuskan kesukaran yang tidak dapat diselesaikan dan murid-murid Tamil berhadapan dengan masalah yang sama dan guru yang terlibat juga berhadapan dengan pengaruh bahasa ibunda terhadap yang serius.

Seterusnya, penguasaan oleh orang bukan Melayu turut dilakukan oleh Chew Fong Peng (2016), yang membuktikan bahawa murid-murid Cina di SJK(C) dan sekolah kebangsaan mempunyai masalah sebutan kerana kurang membaca bahan bacaan buku. Murid-murid Cina tidak suka membaca bahan bacaan kerana faktor kebudayaan, pengaruh rakan dan keluarga. Hal ini, juga berlaku dalam kalangan murid Tamil, yang lebih cenderung membaca bahan

berdasarkan bahasa ibunda mereka, sehingga menyebabkan tidak dikuasai dengan baik. Suthanthiradevi (1996).

Diikuti, kebanyakan kajian berkaitan murid India menguasai mendapati bahawa mereka menghadapi masalah penggunaan beberapa vokal atau konsonan tertentu dalam penulisan, sama ada daripada segi struktur ayat, perbendaharaan kata, imbuhan, tanda baca dan ejaan. Mereka juga didapati mengalami kesukaran dari segi struktur ayat, khususnya dalam membina ayat-ayat yang gramatis. Masalah ini berlaku kerana terdapat corak yang dipengaruhi oleh bahasa ibunda (Bahasa Tamil) dan pola yang dipengaruhi bahasa percakapan atau bahasa basahan, iaitu ragam yang dituturkan oleh kaum etnik Tamil di negara ini (Awang Sariyan, 2011).

Dalam konteks ini, murid-murid SJK(T) telah melakukan pertukaran kod secara sedar atau tidak sedar ketika berkomunikasi. Pertukaran kod daripada kepada Bahasa Tamil dalam konteks kehidupan seharian akan turut mempengaruhi kemahiran berbahasa, membaca dan menulis mereka (Zamri, 2000).

Dalam tempoh ini, pertukaran bunyi-bunyi tertentu menyebabkan terjadinya proses penggantian konsonan, proses penghilangan konsonan dan proses menambah bunyi hentian glottis. Masalah percampuran kod (*code mixing*) antara bahasa Tamil dengan turut mengganggu pembelajaran murid-murid SJK(T). Hal ini disebabkan oleh kemunculan dan gangguan sistem bahasa bahasa ibunda dari semasa ke semasa ketika murid-murid berkenaan menggunakan. Tambahan pula, banyak kajian telah dilakukan dalam menganalisis kesalahan bahasa yang dilakukan oleh murid-murid dan kebanyakan kajiannya hanya menumpukan perhatian pada leksikal, percampuran kod, persekitaran dan lain lain sahaja.

Selain itu, pengaruh bahasa ibunda selaku bahasa pertama menjadi satu faktor utama atau penghalang untuk proses pembelajaran dalam kalangan murid Tamil walaupun kerajaan telah menjalankan pelbagai usaha dalam mempertingkatkan penguasaan kemahiran di SJK(T). Keadaan ini jelas menunjukkan pembelajaran selama enam tahun di SJK(T) masih pada tahap yang tidak memuaskan berdasarkan keputusan pencapaian UPSR, termasuklah terhadap penulisan berdasar gambar tunggal yang menjadi soalan yang wajib dijawab oleh mereka. Hal ini disokong oleh keputusan UPSR kertas penulisan SJKT di Daerah Kuala Muda Yan dari tahun 2015 hingga 2019.

Jadual 1.1 : Keputusan Peperiksaan UPSR (Penulisan) SJKT di daerah Kuala Muda Yan pada tahun 2015 sehingga 2019

Tahun	Peratus lulus	Peratus gagal
2015	34.22 %	65 %
2016	55.10 %	44 %
2017	40.26 %	59 %
2018	56.00 %	44 %
2019	49.31%	50 %

(Sumber : PPD KMY,Sungai Petani, Kedah)

Berdasarkan Jadual 1.1, murid-murid India masih pada tahap yang tidak memuaskan dan tidak mencapai tahap seperti yang digariskan dalam KSSR, sudah pastinya keperluan dan kepentingan kajian ini akan membantu murid-murid SJK(T) terutama dalam aspek kemahiran menulis bagi menghasilkan penulisan karangan gambar tunggal yang berkualiti tanpa kekeliruan dalam menstrukturkan penguasaan tatabahasa dalam penulisan karangan Bahasa Melayu .

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian yang bertajuk Pengaruh Bahasa Ibunda dalam Penulisan Bahasa Melayu Berasaskan Gambar Tunggal dalam Kalangan murid SJK(T), seperti berikut;

- 1.4.1 mengenal pasti pengaruh bahasa ibunda dalam Penulisan Bahasa Melayu berdasarkan karangan gambar tunggal oleh murid-murid SJK(T) daripada aspek tatabahasa iaitu kata, frasa, ayat dan ortografi.
- 1.4.2 menganalisis kesalahan tatabahasa daripada aspek kata, frasa, ayat dan ortografi dalam penulisan bahasa Melayu berasaskan gambar tunggal dalam kalangan murid SJK(T).
- 1.4.3 merumus penguasaan penulisan dan pengaruh bahasa Tamil berdasarkan karangan gambar tunggal dalam kalangan murid-murid SJK(T).

1.5 Soalan kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dibentuk, soalan kajian seperti berikut:

- 1.5.1 Apakah pengaruh bahasa ibunda dalam penulisan Bahasa Melayu berasaskan karangan gambar tunggal dalam murid-murid SJK(T) daripada aspek tatabahasa iaitu kata, frasa, ayat dan ortografi?

- 1.5.2 Apakah kesalahan tatabahasa daripada aspek kata, frasa, ayat dan ortografi dalam karangan Bahasa Melayu berasaskan gambar tunggal dalam kalangan murid-murid SJK(T)?
- 1.5.3 Apakah rumusan yang dapat dibuat daripada kajian ini berkait rapat dengan pengaruh bahasa Tamil untuk menguasai ?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian tentang pengaruh bahasa ibunda dan penguasaan oleh murid-murid India ini menjadi panduan kepada golongan pendidik untuk merancang proses pengajaran dan pembelajaran mengikut kesesuaian. Dapatan kajian dapat menjadi panduan guru bagi mengenal pasti daerah kelemahan murid, terutamanya akibat pengaruh bahasa ibunda untuk menguasai. Selain itu, ia dapat memberikan penjelasan dan kesedaran kepada golongan pendidik bahawa terdapat perbezaan struktur di antara bahasa ibunda dengan bahasa kedua.

Selain itu, kajian ini juga penting kepada Unit Panitia di sekolah- sekolah Malaysia untuk merancang aktiviti yang lebih sesuai berdasarkan kesalahan bahasa yang lazim dilakukan oleh murid-murid SJK(T) dalam penulisan karangan gambar tunggal. Usaha dan tindakan yang relevan dapat dilakukan oleh panitia untuk membimbing pelajar yang bermasalah menguasai dengan baik.

Diikuti, kumpulan kanak-kanak atau murid-murid India lebih bersemangat dan berdisiplin tinggi untuk menguasai dengan berkesan, yang bukan sahaja untuk syarat lulus dalam peperiksaan dan menjadi kemahiran bahasa sepanjang hayat. Kajian seumpama ini, dapat memberikan fakta yang sahih dan terkini untuk mendekati kumpulan murid-murid India untuk menguasai dengan lancar dan terancang.

Ibu bapa juga turut mendapat manfaat daripada kajian ini, kerana mereka mendapat maklumat yang jelas tentang masalah yang berlaku dalam kalangan anak-anak mereka untuk menguasai. Secara langsung, ibu bapa dapat memberi bantuan, sokongan dan galakan kepada anak-anak mereka untuk mempelajari dan tidak menyerahkan peranan ini secara mudah kepada guru sahaja.

1.7 Batasan kajian

Kajian ini dilakukan dalam kalangan murid-murid India tahap dua di SJK(T) Mahajothi, Sungai Petani, Kedah. Kajian ini terbatas kepada 35 orang murid-

murid yang dipilih daripada murid tahun lima sebagai responden kajian ini. Pemilihan sampel ini tidak dibataskan kepada aspek gender. Maka responden yang dipilih meliputi murid lelaki dan perempuan. Responden yang dipilih merupakan murid-murid berprestasi sederhana lemah dan mereka mempunyai pencapaian yang hampir setaraf serta mempunyai latar belakang keluarga yang hampir sama. Rasionalnya dipilih kerana membantu untuk meneliti secara menyeluruh masalah kajian dan mendapatkan data kajian yang tepat.

Kajian ini mempunyai objektif untuk mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan penguasaan dalam aspek tatabahasa iaitu kata, frasa, ayat dan ortografi dalam kalangan murid-murid India di SJK(T) berkenaan. Oleh itu, pengkaji fokuskan kepada aspek penulisan karangan gambar tunggal sahaja dijadikan bahan ukuran untuk menjalankan kajian ini. Model *Socioeducational* oleh Gardner (1985) diterapkan dalam analisis dapatan kajian ini.

Selain itu, pengkaji turut meneliti pengaruh bahasa ibunda semasa mengendalikan sesi PdPc dalam kelas apabila murid-murid diminta untuk menulis karangan gambar tunggal. Hal ini kerana, pelbagai kesalahan biasanya dibuat oleh murid-murid dalam aspek tatabahasa terutama kata, frasa, ayat dan ortografi. Kelemahan-kelemahan aspek bahasa ini berkait rapat dengan sikap murid iaitu pengaruh bahasa ibunda, sikap penutur bahasa yang lain dan minat dalam mata pelajaran.

Dalam kajian ini, perbincangan diberikan terhadap pengaruh bahasa ibunda sebagai faktor prima atau utama yang mempengaruhi keupayaan murid-murid untuk menghasilkan karangan yang baik dan mempunyai kesalahan tatabahasa yang minimum dari segi aspek kata, frasa, ayat dan ortografi.

Jenis kesalahan

Bil	Jenis Kesalahan
1	<u>Kesalahan aspek kata diperincikan kepada :</u> KT1: kesalahan penggunaan imbuhan KT2: kesalahan penggunaan kata hubung KT3: kesalahan penggunaan kata pemerli
2	<u>Kesalahan aspek frasa diperincikan kepada :</u> FN1: kesalahan penggunaan frasa nama FN1: kesalahan penggunaan frasa kerja FN1: kesalahan penggunaan frasa adjektif FN1: kesalahan penggunaan frasa sendi nama
3	<u>Kesalahan aspek ayat diperincikan kepada :</u> AT1: kesalahan struktur ayat tunggal AT2 : kesalahan struktur ayat saduran
4	<u>Kesalahan aspek ortografi diperincikan kepada :</u> OR1: kesalahan penggunaan ejaan OR2: kesalahan penggunaan huruf besar / kecil

Seterusnya, kajian ini memberi fokus kepada penggunaan sistem bahasa dalam karangan murid-murid SJK(T). Penulisan karangan berasaskan gambar tunggal yang perlu memberikan gambaran am tentang kesalahan yang lazim dilakukan oleh murid-murid. Antara kesalahan bahasa yang dikaji dalam karangan yang dihasilkan oleh murid-murid diperincikan atau dilandaskan kepada aspek kesalahan kata, frasa, ayat dan ortografi seperti pada Jadual 1.2.

1.8 Definisi Operasional

Bahagian ini memberikan definisi kepada beberapa konsep penting dalam kajian ini iaitu pengaruh bahasa ibunda, bahasa Tamil, murid-murid SJK (Tamil), penulisan berdasarkan gambar tunggal, dan kesalahan bahasa.

1.8.1 Pengaruh bahasa ibunda

Pengaruh ialah kuasa yang terbit daripada orang (ataupun benda) atas orang (atau benda) lain, kekuatan batin (ghaib) yang membawa kesan pada orang (lain). Pada penghujahan Depdikbud (Kamus Dewan dan Pustaka, 2001), pengaruh adalah suatu kuasa yang wujud dari sesuatu untuk menyerupai watak atau perwatakan seseorang. Pengaruh ini merupakan suatu keadaan yang melibatkan hubungan dua hala, atau hubungan akibat antara apa yang mempengaruhi dengan apa yang dipengaruhi. Dalam kajian ini, pengaruh menerangkan bahawa suatu perkara yang berlaku disebabkan oleh faktor persekitaran dan latar belakang seseorang.

Unsur-unsur linguistik bahasa pertama (Tamil) yang diserap ke dalam penulisan atau pertuturan. Unsur-unsur tersebut terdiri daripada bentuk fonem, morfem, semantik, frasa dan sintaksis. Unsur-unsur ekstralinguistik bahasa pertama (Tamil) sememangnya bersifat positif atau negatif terhadap pembelajaran. Unsur-unsur tersebut ialah penggunaan bahasa harian, sikap dan pendedahan bahasa murid-murid India.

Menurut Alice Alim, (2010) ialah bahasa yang mula-mula dipertuturkan oleh kanak-kanak. Bahasa ibunda juga merupakan bahasa pertama yang diperolehi oleh kanak-kanak. Bahasa ibunda juga merupakan bahasa pertama yang diperolehi oleh kanak-kanak itu untuk berkomunikasi atau berinteraksi. Bahasa ibunda ini diperolehi oleh seseorang itu daripada orang tuannya atau orang yang menjaga dan memeliharanya sejak masih kecil. Bahasa ini dipelajari secara tidak langsung oleh seseorang itu sejak ia mula belajar bertatih.

Satu kajian yang ekstensif telah dijalankan untuk mengetahui pengaruh bahasa ibunda dalam proses pembelajaran bahasa kedua. Awang Sariyan (2011) mengatakan bahawa pengaruh bahasa ibunda adalah pertukaran bahasa secara automatik yang disebabkan oleh kebiasaan dan ianya melibatkan struktur bahasa pertama terhadap bahasa yang dipelajari. Lot (1983) menyatakan bahawa pengaruh bahasa pertama adalah faktor utama kesilapan pelajar dalam penggunaan bahasa asing yang boleh dikenal pasti semula terhadap bahasa ibunda. Ellis (1997) mendefinisikan pengaruh bahasa ibunda sebagai pertukaran bahasa di mana bahasa pertama ditonjolkan dalam penggunaan bahasa kedua. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa hal ini berlaku kerana persepsi dan sikap pelajar mengenai sesuatu yang boleh ditukar dan peringkat perkembangan mereka dan pembelajaran bahasa kedua.

Dalam proses pembelajaran bahasa kedua pelajar atau murid akan membina pengetahuan atau peraturan sementara (Selinker, 1972, Seligar 1988 dan Ellis 1997) dengan menggunakan pengetahuan bahasa pertama mereka. Walaubagaimanapun, hal ini hanya akan berlaku apabila pelajar atau murid percaya bahawa ianya akan membantu dalam tugas harian atau ketika mereka mahir sepenuhnya dalam pertukaran kepada bahasa kedua untuk memungkinkan perkara ini berlaku.

Bahasa ibunda dipengaruhi oleh perbezaan *typology* antara bahasa yang terlibat serta beberapa interaksi tidak berstruktur, faktor ekstralinguistik seperti perbezaan keadaan sosial dan psikologi (Ellis, 1997, Kilborn 1994). Berdasarkan kenyataan ini, jelas menunjukkan bahawa keadaan saling bergantung antara bahasa pertama dan bahasa kedua adalah nyata. Hal ini disebabkan oleh proses pemerolehan bahasa pertama oleh seseorang individu memberikan rutin atau pengalaman, strategi dan kemahiran metakognitif kepada seseorang yang boleh diguna pakai kepada bahasa-bahasa berikutnya, tetapi terdapat juga had bahasa yang khusus dalam persepsi dan pemahaman bahasa kedua (McLaughlin, 1987).

Dalam konteks kajian ini, pengaruh bahasa ibunda merujuk kepada :

Komponen-komponen linguistik bahasa Tamil yang diserap kedalam penulisan berasaskan gambar tunggal bahasa Melayu. Komponen-komponen tersebut hadir dalam bentuk tatabahasa iaitu kata, frasa, ayat dan ortografi.

Komponen - komponen ekstralinguistik bahasa Tamil yang bersifat positif dan negatif terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Komponen-komponen tersebut ialah sikap. Iaitu sikap terhadap penutur bahasa Melayu, sikap terhadap pembelajaran bahasa Melayu dan sikap integratif.

Fenomena pengaruh bahasa ibunda mengakibatkan mereka gagal menguasai dan lemah dalam penggunaan bahasa Melayu dengan baik terutama dalam penulisan berasaskan gambar tunggal. Hal ini disokong kuat oleh Asree & Halim (2017) dengan mengatakan murid yang lemah dan bermasalah dalam penulisan terpengaruh dengan bahasa ibunda.

1.8.2 Bahasa Tamil

Bahasa Tamil merupakan bahasa yang menduduki kedudukan ke-18 paling banyak ditutur di dunia, dengan jumlah penuturnya melebihi 74 juta orang. Bahasa Tamil adalah bahasa terunggul dan merupakan salah satu bahasa paling penting dalam keluarga bahasa Dravidian. Selain itu, bahasa ini juga turut ditutur oleh komuniti kecil di Negara lain. Bahasa Tamil juga merupakan bahasa yang ke -18 paling banyak ditutur di dunia dan bahasa ini juga turut ditutur oleh lebih kurang 2 juta penutur di Malaysia.

Abjad Bahasa Tamil merangkumi 247 huruf dan huruf ini boleh dibahagikan kepada 12 vokal, 18 konsonan, 216 vokal-konsonan dan 1 huruf khas. Huruf vokal-konsonan dibentuk apabila huruf-huruf vokal digabungkan dengan konsonan huruf-huruf vokal. Selain itu, huruf-huruf vokal dan konsonan ini juga mengandungi bunyi dan sebutan yang panjang dan pendek.

Pada pandangan Su.Agatiyalinggam (2002), sejarah bahasa Tamil dijangkau bermula sebelum 6000 tahun dahulu. Manakala, karya-karya sastera Tamil berusia lebih dari 2500 tahun. Kothandaraman (2001) mengatakan bahasa Tamil merupakan salah sebuah bahasa tertua dan terawal. Hal ini demikian, kajian Appadurai (1956) terhadap sastera klasik bahasa-bahasa Dravidian mengatakan terdapat 20 jenis bahasa Dravidian dan dalam keluarga bahasa dravidian tersebut, empat bahasa sahaja yang mempunyai bentuk tulisan dan penghasilan karya yang bermutu. Keempat-empat bahasa yang dikenali pasti adalah bahasa Tamil, bahasa Telugu, Bahasa Kannada, dan Bahasa Malayalam. Sehingga kini, keempat-empat bahasa tersebut masih digunakan bagi tujuan komunikasi dan pendidikan. Dalam golongan empat bahasa ini, Bahasa Tamil merupakan bahasa yang mempunyai taraf yang tinggi dan setaraf dengan bahasa -bahasa klasik yang lain seperti bahasa Sanskrit, Greek dan Latin. Ini jelas menunjukkan Bahasa Tamil dari keluarga Dravidian merupakan sebuah bahasa yang tertua dan paling awal wujudnya di muka bumi dan masih kekal sehingga masa kini.

Selain itu, penulisan Bahasa Tamil terdiri daripada sistem penulisan yang dikenali sebagai '*vattaeluttu*', iaitu sejenis abugida yang merujuk pada 'family Brahmi'. Bunyi-bunyi vokal dan konsonan saling bergabung untuk membentuk 216 gugusan aksara, yang secara totalnya ialah 247 aksara. Secara umumnya, skrip Tamil berkembang maju daripada satu bentuk skrip Brahmi Asoka yang dikatakan sebagai Tamil-Brahmi atau Tamili, yang berbeza

daripada Asoka Brahmi pada beberapa aspek. Pada abad ke -9, Tamil-Brahmi telah berkembang menjadi aksara-aksara yang lebih bulat yang dipanggil vattaeluttu (huruf berleengkung). Menjelang abad ke -18, mubaligh Itali bernama Constanzo Beschi telah membawa beberapa perubahan pada skrip ini bagi memudahkan cetakan skrip tersebut. Perubahan ini termasuk menyelitkan penanda vokal pada kedua-dua bel kiri dan kanan konsonan. Pada tahun 1935 pula, E.V. Ramaswamy Periyar mengesyorkan perubahan yang baharu supaya pencetakan adalah lebih lengkap dan baik. Sebilangan daripada cadangan tersebut telah dipraktikkan oleh kerajaan M. G. Ramachandran pada tahun 1978.

Pada masa kini, Bahasa Tamil luas ditutur dalam komunikasi harian di beberapa negara seperti India selatan terutamanya di Tamil Nadu. Di India Bahasa Tamil diiktiraf sebagai "Semmozhi" iaitu bahasa yang mempunyai keistimewaan dan keunikan tersendiri. Manakala di Singapura dan Sri Lanka bahasa Tamil dinobatkan sebagai bahasa rasmi. Menurut Agattiyalinggam (2002) bahasa Tamil dapat digunakan secara meluas oleh masyarakat Tamil yang menetap negara seperti Mauritius, Amerika syarikat, Australia, Kanada, Dubai, Indonesia, China dan sebagainya.

Di negara kita, rakyat berbangsa India, menggunakan Bahasa Tamil dalam komunikasi harian. Dari aspek pendidikan pula, terdapat sekolah Tamil yang menggunakan sebagai bahasa pengantar secara sepenuhnya semasa Pengajaran. Bukan sahaja di sekolah Tamil, malah di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah juga bahasa Tamil diajar sebagai satu mata pelajaran. Tambahan pula, di universiti tempatan juga terdapat pelbagai kursus pengajian peringkat sarjana muda, sarjana dan Phd melibatkan Bahasa Tamil.

Dalam konteks kajian ini, bahasa Tamil merujuk bahasa pertama kepada murid SJK(T) dari keturunan India dan merupakan bahasa ibunda bagi mereka.

1.8.3 Murid SJK (Tamil)

Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) merupakan kumpulan murid berbangsa India yang belajar di Sekolah Tamil dan menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa penghantar dalam pembelajaran dan menggunakan bahasa ibunda iaitu bahasa Tamil dalam perbualan harian. Selain bahasa Tamil, murid-murid yang mempunyai bahasa ibunda seperti bahasa Telugu, bahasa Malayalam dan bahasa Kannadam juga belajar di sekolah Tamil. Walaupun terdapat perbezaan dalam bahasa ibunda, namun kebanyakan mereka berkebolehan menggunakan bahasa Tamil dalam komunikasi harian sewaktu berada di sekolah mahupun di rumah.

1.8.4 Penulisan berasaskan gambar tunggal

Berteraskan Kementerian Pendidikan Malaysia (2017), dalam Pelan Hala Tuju Pendidikan Malaysia 2016-2025, adalah suatu bidang ilmu yang digunakan secara meluas dalam sistem pendidikan Kebangsaan untuk melatih minda seseorang murid supaya dapat berfikir secara teratur dan bermakna untuk menyampaikan sesuatu perkara yang berkaitan dengan penemuan atau satu hasil kajian. Secara umumnya, bersifat memberangsangkan pembelajaran bererti dan berkualiti. Dalam konsep pendidikan pula, merupakan subjek yang wajib lulus oleh semua murid dan wajib semua murid dari bangku sekolah hingga ke menara gading. Secara puratanya, mata pelajaran akan diajar selama 4 hingga 5 jam seminggu dan subjek ini wajib dipelajari oleh semua murid dan sama ada di sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan. Penilaian diadakan di semua peperiksaan awam penting seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pelajar dan murid akan dinilai dalam kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, aspek tatabahasa dan aspek senibahasa. Juga turut menjadi bahasa lingua franca utama dalam pembelajaran dan pengajaran di sekolah Malaysia. Pada pengamatan Haswandi Marshron. (2018), hampir 80% bahan bacaan dan rujukan untuk murid didapati di dalam dan penguasaan bahasa ini penting untuk kecemerlangan seseorang pelajar atau murid itu dalam pendidikan.

KSSR menyatakan bahawa pendidikan itu penting kerana silibus ini akan meningkatkan kompetensi kemahiran mendengar, bertutur, menulis dan membaca dengan memfokuskan perhatian terhadap kebolehan variasi bahasa dalam pelbagai situasi dan disiplin, memupuk sikap kesedaran terhadap sistem bahasa dengan gaya bahasa yang indah serta unsur-unsur dan nilai-nilai kemanusiaan secara menyeluruh melalui pembacaan bahan ilmu dan kesusasteraan. Menurut Kamaruddin Hj. Husin (1988), karangan merupakan aspek yang mustahak diajar dalam pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran menulis boleh dikatakan sebagai kemahiran yang terpenting dalam kemahiran bahasa. Beliau juga turut menegaskan bahawa kemahiran mengarang digunakan sebagai medium untuk menyampaikan maklumat, melahirkan fikiran dengan tepat, jelas dan berkesan di samping penulisan karangan merupakan item yang wajib dijawab oleh seseorang calon peperiksaan awam di Malaysia.

Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa pendidikan bukan sahaja dipelajari untuk tujuan penguasaan, kecekapan dan kemahiran, malahan untuk melahirkan murid yang berdikari dan mendapatkan ilmu secara tersendiri. Selain itu, penggunaan dalam segala bidang ilmu dan kegiatan harian selaras dengan peranan sebagai bahasa rasmi dan bahasa perpaduan. Faktor ini amat sesuai dengan objektif akhir pengajaran di sekolah iaitu pelajar-pelajar atau murid-murid boleh menulis pelbagai jenis penulisan karangan untuk kegunaan mereka dalam kehidupan seharian (Kementerian Pendidikan Malaysia).

Dalam konteks kajian ini, penulisan berasaskan gambar tunggal merujuk kepada murid SJK(T) masih lemah dalam penguasaan kemahiran penulisan bahasa Melayu terutama berasaskan gambar tunggal dan tidak mencapai tahap seperti mana yang digariskan dalam KSSR, sudah pastinya keperluan dan kepentingan kajian ini akan membantu murid SJK(T) dalam menghasilkan penulisan karangan berasaskan gambar tunggal yang berkualiti tanpa gangguan bahasa ibunda darisegi tatabahasa iaitu aspek kata, frasa, ayat dan ortografi.

1.8.5 Kesalahan bahasa

Sesuai kajian tentang kesalahan bahasa banyak memberi kebaikan kepada pelbagai pihak, terutamanya kepada murid, guru dan penyelidik bahasa. Walaupun hampir setiap tahun terdapat pengkaji bahasa yang membuat kajian tentang kesalahan bahasa, tetapi masalah ini masih lagi berterusan. Isu yang sama dilihat dalam pendidikan bahasa Melayu iaitu kajian kesalahan bahasa masih lagi berlaku sehingga ke hari ini. Walaupun semua murid atau pelajar melakukan kesalahan bahasa dalam penulisan mahupun pertuturan, tetapi kesalahan ini hanya akan dikesali oleh mereka setelah sesuatu penilaian dibuat ke atas mereka. Menurut Corder (1981), semua orang, sama ada secara sengaja ataupun secara tidak sengaja akan melakukan kesalahan bahasa ketika menggunakan bahasa tersebut.

Kesalahan bahasa boleh didefinisikan secara terperinci mengikut teori Corder (1975) yang memberi istilah kesilapan bahasa dan bukan kesalahan bahasa. Menurut Corder, kesilapan bahasa merujuk kepada faktor kecekapan, tetapi kesilapan ini lebih bersifat sementara. Kesilapan bahasa ini akan segera dibaiki atau dibetulkan apabila pengguna menyedari kesilapan bahasa tersebut. Pengaruh bahasa ibunda juga turut menyumbang kepada kesilapan dalam Bahasa Melayu. Corder (1977) juga turut menyebut bahawa kesilapan bahasa berlaku apabila pelajar ingin mempelajari bahasa kedua. Kesilapan bahasa ini akan terus dibuat oleh pelajar sehingga dia membuat penguasaan yang sepenuhnya di dalam bahasa tersebut.

Dari segi kesalahan bahasa Melayu, Nik Safiah (1980) menyatakan bahawa kesalahan bahasa merupakan penggunaan bahasa yang melanggar peraturan sistem bahasa yang telah dipersetujui, sama ada pada peringkat sebutan, pilihan kata, ataupun susunan frasa dan ayat. Raminah (1988), menyatakan bahawa kesalahan bahasa ialah bentuk bahasa yang menyimpang daripada bentuk bahasa yang baku. Bahasa baku dituturkan dalam hubungan formal dan bentuk bahasa yang merangkumi hukum dan peraturan bahasa secara selengkapnya atau komprehensif. Abdul Ghalib (2000) mentakrifkan kesalahan bahasa sebagai penggunaan bahasa yang baku. Gejala ini disebabkan oleh pengguna bahasa itu tidak menguasai sistem sesuatu bahasa yang ditetapkan dalam sesuatu bahasa.

Kesimpulan daripada pengertian kesalahan bahasa ini, dapat dirumuskan bahawa kesalahan bahasa berlaku disebabkan oleh beberapa faktor. Secara khusus ia dapat dikhususkan kepada tujuh faktor iaitu pengaruh bahasa ibunda, pengaruh bahasa kedua, sikap pengguna bahasa, kecekapan ilmu tentang kesalahan bahasa, ketidakupayaan linguistik pengguna bahasa, pengaruh bahasa singkatan dan kekurangan pengetahuan tentang perkembangan terkini istilah bahasa Melayu.

Dalam konteks kajian ini, kesalahan bahasa merujuk kepada fenomena bahasa pertama (B1) ke dalam pembelajaran bahasa kedua (B2) menyebabkan kesalahan tatabahasa berlaku dalam aspek kata, frasa, ayat dan ortografi dalam penulisan karangan bahasa Melayu berasaskan gambar tunggal. Ketidakupayaan untuk memahami struktur bahasa kedua dengan betul menyebabkan murid kerap melakukan kesalahan dalam penulisan bahasa Melayu berasaskan gambar tunggal.

1.9 Kesimpulan

Secara keseluruhan Bab 1 telah membincang dengan jelas tentang pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan juga definisi kepada beberapa istilah penting berdasarkan kajian ini. Pemahaman pengkaji berdasarkan keperluan utama kajian difikir dan dirancang untuk memastikan Pengaruh Bahasa Ibunda Murid SJK (Tamil) dalam Penulisan bahasa Melayu berasaskan gambar tunggal dapat dijalankan secara sistematik dalam bidang linguistik.

RUJUKAN

- Ahmad Hifzurrahman Ridzuan & Zaliza Zubir. (2014). Peranan Teori Psikolinguistik dalam Pemerkasaan Pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia. *Prosiding Symposium of International Language and Knowledge* (SILK 2014). Hydro Hotel Penang.
- Alice Alim. (2018). *Kajian Kes Pembelajaran Bahasa Kedua dalam kalangan Pelajar Sekolah Rendah*. Selangor: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Alice Alim. (2010). *Bahasa Antara dalam Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.
- Amirra Shazreena Aminul Razin & Vijayaletchumy Subramaniam. Kesalahan Penggunaan Imbuhan Awalan dan Akhiran dalam kalangan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) *International Journal Of The Malay World and Civilisation*. Vol 7 (7) : 3 -13.2019
- Antonia, C. (1981) *Problems of Elearning English as a Second Language*. Singapore: Regional Language Centre.
- Awang Sariyan. (2014). *Strategi Pengajaran Bahasa kepada Pelajar Asing: Faktor Pengajar*. Dimuat turun dari <http://kilweb.dbp.my/wordpress/?p=2489>. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2011). *Pendidikan Bahasa Melayu dalam Pembentukan Jati Diri Bangsa: Pengajaran Bahasa untuk Penghayatan Bahasa kepada Pelajar Asing*. Persatuan Pendidikan Bahasa Melayu Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi & Jaapar Sidek. 2006. *Siri Kaunseling: Membentuk Identiti Remaja*. Bentong : PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd.
- Carroll, JB. (1974). *Research on Teaching Foreign Language*, Dalam N.L, Gage (ed). *Hanbook of Research on Teaching*. London : Rand Mc Nally and Co.
- Chew Fong Peng. (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 6, Bil. 2 (Nov. 2016):10-22.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Selangor: McGraw-Hill (Malaysia).

Dorkas Epa. *Analisis Kesalahan penggunaan Ortografi Pada Keterampilan Menulis Siswa Kelas X IPS 3 sma Negeri 1 Majosari. Laterne. Vol 3(1):55-66. 2018*

Ellis, R. (1997). *Second Language research and language teaching. Oxford: Oxford University Press.*

Exzayrani Awang Sulaiman. (2015). Sikap Bahasa Generasi Muda Terhadap Bahasa Melayu : Kajian Kes Sekolah Menengah Chuung Hwa. *E-Proceeding of The Internasional Conferencem on Social Science Research*, Universiti Brunei, 8-9 Jun : 925-938.

Graff, Harvey J. (2006). *Literacy Microsoft Encarta (DVD) Redmond, WA: Microsoft Corporation 2005.*

Guarino, E.A. (1960). *An Investigation of the Effectiveness of Insrtuction Designed to Improve the Reader's Skill in Using Context Clues to Derive Word Meaning*. Ph.D Thesis, Syracuse University.

Haswandi Marshron. (2018). *Panduan Mudah Menjawab Soalan (PMMS) Bahasa Melayu Tahap Dua Sekolah Kebangsaan*. Selangor: Perpustakaan Negara Malaysia.

Hesbacher, P and Fishman, J.A. (1965). Language loyalty: Its functions and Concomitants in two bilingual communities. *LINGUA. 13: 146-165* (artical 20).

Jacollynn van Wyk & Maria Louise Mostert. (2016). Pengaruh bahasa Ibunda dan jantina dalam penguasaan Bahasa. "The case of Afrikaans in Windhoek schools", Namibia, *Cogent Education*, 3:1.

Jaidah Adris. (2010). Sikap pelajar suku kaum Suluk dan hubungannya dengan motivasi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua sekolah rendah.

Jamali Ismail. (1991). Pendedahan dan Pencapaian dalam Pemelajaran Bahasa dengan Rujukan Khas kepada Pemelajaran Bahasa Kedua. *Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jeniri Amir. (2005). Bahasa Melayu mudah dipelajari, tetapi sukar dikuasai. *Jurnak Dewan Bahasa. Jilid 5 (4).*

Kamiliah Ayu & Zamri Mahamod. (2015). Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Bukan Melayu. *Prosiding Seminar Pasca siswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu*. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Khairuddin Mohamad, Ibrahim Yusof, & Zaridah Ramli. (2016). *Penyelidikan dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Selangor: Sasbadi Sdn. Bhd.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Pelan Hala Tuju Pendidikan Malaysia 2016- 2025*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Khairudin Mohamad, Ibrahim Yusof, & Zaridah Ramli. (2016). *Penyelidikan dalam Bahasa Melayu*. Sasbadi Sdn. Bhd. : Selangor.
- Khuzaiton Zakaria & Thana Abdullah. (2014). Mengajar Bahasa Melayu kepada Penutur Asing dan Cabarannya: Pengalaman di Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia. *Prosiding Seminar Professional Development in Education 2014*. Park Hotel: Bandung, Indonesia.
- Kesahan dan Kebolehppercayaan Instrumen penilaian sendiri pembelajaran geometri tingkatan satu. *Malaysian Journal Of Learning and Instruction: Vol.14 No.1(2017):211-265*
- Lee Abdullah, Mohd Faizal Nizam; WEI, Leow Tze .Kesahan dan Kebolehppercayaan Instrumen penilaian sendiri pembelajaran geometri tingkatan satu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction: Vol.14 No.1(2017):211-265*.
- María Luisa Carrió-Pastora, & Inmaculada Tamarit Vallés. (2014). Kajian perbandingan pengaruh bahasa ibunda dalam LSP dan CLIL. *15th International Conference of the Spanish Association of language and Literature Education, 15th International Conference SEDLL*, 19- 21 November 2014, Valencia, Spain.
- Muhammad Zuhair Zinal, Mazani Jelani, & Mat Lazim Yaakub. (2010) .Sikap dan Minat Murid Melayu dalam Pembelajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua. *Seminar Antarabangsa Psikolinguistik II* .2010.
- M. M. Abdul Rahuman. (2017). *Kajian Pengaruh Bahasa Ibunda dalam pembelajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua oleh pelajar Tamil, Department of English Language Teaching, South Eastern University of Sri Lanka*.
- Nancy anak Ngumbang, & Zamri Mahamod. (2017). Sikap, Minat dan Motivasi murid Melanau dalam Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 8, 47-58. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol8.5.2017>
- Nor Ain Nor Azman & Nur Farakhanna Mohd Rusli. Analisis Penggunaan Kata Nama Sendi dalam Penulisan berdasarkan Teori Kesalahan Bahasa. *LSP Internasional Journal*. Vol.(7): 39 - 59.2020
- Nor Asree Mohd Noh & Ab Halim Mohamad (2017). Gangguan bahasa dari aspek tata bahasa dalam kalangan pelajar Melayu. *Jurnal AL-ANWAR ,Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT) Volume 4, No.2, December 2017:1-19*

- Norhiza Fadila, Zamri Muhamod & Wan Muna Ruzanna Wan Muhammad. (2016). Kompetensi, kemahiran dan penggunaan aplikasi web 2.0 sebagai bahan bantu mengajar dalam kalangan guru bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (2):52-58.
- Norizan binti Che Su. (2018) Pengaruh bahasa ibunda terhadap pembinaan struktur ayat bahasa Melayu sebagai bahasa asing. *Jurnal Linguistik* Vol.22(2). Disember 2018.
- Rivers, W.M. & Malvin, B.S. (1997). "If only I Could Remember It All". dalam M.Burt and M.Burt and M.Finacchiaro (ed.) *Facts and Fiction about Memory in Language Learning*. Regents.
- Roasharimah Ibrahim & Zamri Mahamod. (2007). *Faktor dalaman yang Mempengaruhi Penguasaan Bahasa Melayu Murid Cina*. <https://seminar serantau 2017.files.wordpress.com/2017/09/2-roasharimah-ibrahim-zamri-mahamod.pdf> (7 Nov 2017).
- Sa'adiah Mat Alip. (2011). Sikap Bahasa dan Identiti: Kajian Kes Masyarakat Narum, Sarawak *Jurnal Melayu* (6) 2011: 57-72.
- Sabbah, S. (2015). Pemindahan Negatif: Gangguan Bahasa Arab terhadap Pembelajaran Bahasa Inggeris. *Arab World English Journal*, 4, 269-288.
- Salinah Ja'afar, Mary Fatimah Subet, & Awang Azman Awang Pawi. (2018). *Pengajaran Bahasa, Budaya dan Pendidikan*. Selangor: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Sivaneswary Sivaratanam. Penguasaan golongan kata dalam kalangan murid SJK(T). *Internasional Journal of Malay Letters*. Jilid 7/Jan/2019, 1-24
- Surakhmad, Winarno. (1982). Pengantar Interaksi Belajar Mengajar, Dasar dan Teknik Metodologi Pengajaran, Bandung: Tarsito.
- Suzlina Hilwani Baharuddin & Jamaludin Badusah. (2015). Tahap penggunaan web 2.0 dalam pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5 (2):38-48.
- Ugartini Magesvaran, Zamri Mahamod Ima Mahad, Intan Nur Syuhada. (2021). Analisis Kesalahan Bahasa Dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah San Min (Suwa) Teluk Intan. (Sekolah Persendirian). *International Conference On Business Studies Education (ICBE)*
- Wahab Hamzah. (2015). *Globalisasi dan Cabaran Budaya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.